39 Maklumat berikut menunjukkan kegunaan sejenis mikroorganisma.

- Mengurai tinja ayam dan tinja lembu
- Tinja yang sudah reput dicampur dengan serbuk kayu untuk menghasilkan *X*

Apakah *X* yang dihasilkan?

A Baja organik
B Antibiotik
C Vaksin
D Makanan haiwan

40 Antara yang berikut, yang manakah yang benar?

	Mikroorganisma	Makanan atau bahan yang dihasilkan
A	Bakteria	Kicap
B	Fungi	Keju
C	Bakteria	Roti
D	Fungi dan bakteria	Antibiotik

41 KBAT Bagaimanakah yis menjadikan roti lembut dan gebu?

A Yis bernafas dan membebaskan karbon dioksida.
B Yis bernafas dan membebaskan oksigen.
C Yis bertumbuh dalam adunan dan menjadikan adunan mengembang.
D Yis membiak dalam adunan dan menjadikan adunan mengembang.

Hidup Sihat, Hidup Sejahtera

42 Rajah 15 menunjukkan tabiat baik yang diamalkan oleh tukang masak di sebuah restoran.

Rajah 15

Apakah penyakit yang mungkin akan disebarkan jika dia tidak mengamalkan tabiat ini sebelum memasak makanan?

A Selsema
B Cirit-birit
C Batuk
D Campak

43 Maklumat di bawah menerangkan tentang dua jenis penyakit yang disebabkan oleh fungi.

- Kamal mengalami kurap pada badannya
- Hanif mengalami panau pada mukanya

Antara langkah berikut, yang manakah mesti diikut untuk mengelakkan penyakit mereka dari berjangkit pada orang lain?

A Basuh tangan sebelum makan
B Mandi dua kali sehari
C Elakkan berkongsi barang peribadi
D Basuh tangan selepas keluar dari tandas

44 Rajah 16 menunjukkan Tina telah terpotong jarinya semasa memotong sayur.

Rajah 16

Antara yang berikut, yang manakah langkah yang perlu diambil oleh Tina untuk melindungi lukanya daripada jangkitan?

A Kuarantin
B Basuh luka dengan air dan sabun
C Balut luka dengan plaster
D Basuh luka dengan air garam

45 Antara langkah-langkah berikut, yang manakah yang boleh diamalkan untuk mengelakkan cirit-birit?

A Minum air yang sudah dimasak
B Buang sampah merata-rata
C Kuarantin pesakit
D Elakkan berkongsi barang peribadi

LIVEWORKSHEETS

46 Rajah 17 menunjukkan seorang budak yang batuk. KBAT

Rajah 17

Apakah yang patut dilakukan olehnya untuk mengelakkan penyakitnya dari tersebar?

A Memakai baju sejuk
B Mencuci tangan dengan kerap
C Minum air suam
D Menutup hidung semasa batuk atau bersin

47 Antara penyakit berikut, yang manakah disebarkan melalui air tercemar?

A Taun
B Tuberkulosis
C Panau
D Demam denggi

48 Antara yang berikut, yang manakah menyebabkan penyebaran selsema?

A Melalui udara
B Melalui sentuhan
C Melalui makanan tercemar
D Melalui haiwan

49 Bagaimanakah penyakit cacar air tersebar?

A Melalui air tercemar
B Melalui sentuhan
C Melalui bersin atau batuk
D Melalui haiwan

Amalan Harian yang Sihat

50 Mengapakah kita perlu membasuh tangan selepas keluar dari tandas? KBAT

A Untuk mengelakkan dari batuk
B Supaya tangan bersih dan mengelakkan jangkitan penyakit
C Supaya tangan berbau wangi
D Untuk mengelakkan penyakit kulit

51 Rajah 18 menunjukkan makanan yang dibiarkan terdedah di atas meja.



Rajah 18

Apakah akibat daripada situasi ini?

A Makanan cepat sejuk
B Makanan jadi tidak sedap
C Makanan akan dihinggapi lalat
D Makanan jadi cepat basi

52 Antara amalan berikut, yang manakah **tidak** akan mencegah jangkitan penyakit berjangkit?

A Mencuci tangan sebelum makan
B Tutup makanan yang sudah dimasak
C Minum air yang sudah dimasak
D Mandi dengan air suam sahaja

53 Antara yang berikut, yang manakah boleh membasmi kuman pada tangan kita?

A Minyak wangi
B Sabun antiseptik
C Losyen tangan
D Air suam

54 Antara amalan yang berikut, yang manakah boleh menyebabkan penyakit berjangkit tersebar?

A Bersihkan dewan makan asrama sekolah setiap hari.
B Biarkan bilik tidur bersepah dengan sampah dan baju kotor.
C Mandi menggunakan sabun antiseptik.
D Cuci tangan dengan cecair pembasmi kuman selepas melawat pesakit di wad hospital.

LIVEWORKSHEETS